

REALITI PENGURUSAN ASET DAN LIABILITI DALAM PERBANKAN ISLAM

Mohamad Zaim Ismail¹, Mohammad Taqiuddin Mohamad¹, Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad¹, Muhammad Ikhlas Rosele^{2*}, Mohd Farhan Md. Ariffin³

¹ *Department of Syariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya*

² *Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya*

³ *Department of Al-Quran and Al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya*

ABSTRACT

In implementing the Asset-Liability Management (Asset-Liability Management or ALM) in a bank, especially in Islamic banking, the three requirements or basic components that need to be taken into account so that the ALM is running smoothly and systematically is the first is about the theory and the concept itself ALM which will be discussed in this paper, the second is a bank ALM information system, which will be discussed in the next section, and the third is in the ALM decision making process itself will be discussed also in this paper. If these three requirements or components mentioned previously implemented, then an asset and liability management can be developed systematically.

Keywords: Micro-Credit Financing, Islamic Economics

Pengenalan

Institusi perbankan Islam merupakan salah satu institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan berteraskan Islam di mana setiap organisasi memainkan peranan masing-masing bagi meningkatkan prestasi bank. Ini kerana perbankan Islam merupakan salah sebuah institusi yang penting pada masa kini bagi membolehkan orang ramai terutamanya orang Islam mendapatkan kemudahan kewangan secara halal dan sah di sisi syarak. Selain melihat kepada prestasi perbankan Islam, kestabilannya juga

* Corresponding author: Muhammad Ikhlas Rosele, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya. E-mail: ikhlas.rosele@yahoo.com

perlu diambil kira bagi memastikan bank terus kukuh dalam menjalankan aktiviti perniagaannya. Namun begitu, untuk terus maju dan bersaing dengan bank-bank konvensional, bank Islam perlu terus memberi prestasi baik yang meyakinkan dengan norma-norma akauntabiliti Islam yang kukuh. Institusi perbankan Islam perlu dapat meyakinkan orang ramai bahawa sistem perbankan Islam adalah yang terbaik dan paling praktikal sebagai satu sistem alternatif kepada sistem kewangan yang sedia ada (Anitha, Muhamad Husni & Joni Tamkin, 2013).

Konsep Pengurusan Aset dan Liabiliti dalam Perbankan Islam

Dalam ALM berkonsepkan Islam ini, institusi-institusi perbankan Islam boleh menggunakannya mengikut pendekatan ALM yang berkonsepkan konvensional. Ini bermakna, tiada perbezaan ketara antara kedua-dua konsep ini. Dalam membezakan konsep berlandaskan Islam mahupun konvensional ini adalah dari produk-produk yang ditawarkan (Abdul Hadi bin Jusoh, 2014). Produk-produk tersebut adalah seperti Bay' Bithman Ajil, Al-Ijarah, Murabahah, Istisna dan juga Bay' al-Inah (Fidlizan, Mohd Yahya & Azila Abdul, 2013).

ALM juga merupakan satu konsep yang semakin penting dalam sektor perbankan Islam. Ia bertujuan bagi memastikan keuntungan dalam tempoh matang bagi aset selari dengan liabiliti. Selain itu, ia menggabungkan kaedah-kaedah pengurusan aset, pengurusan liabiliti dan juga pengurusan pemprosesan yang teratur yang mana akan membawa kepada pengurusan yang sistematik dalam kunci kira-kira. Proses *ALM* berbeza dari bank ke bank dan setiap kejayaan dalam pengurusan tersebut bergantung kepada keberkesanan sesebuah bank yang dapat menguruskan risiko dengan baik. Mudahtunai yang cekap dan pengurusan kadar faedah adalah dua perkara penting di dalam institusi perbankan yang mana objektif institusi bank tersebut adalah memaksimumkan keuntungan di samping menguruskan kemungkinan risiko-risiko yang berlaku. Objektif *ALM* untuk kebanyakan bank-bank adalah untuk memastikan dana yang mencukupi untuk setiap produk pada kos yang paling minimum dan juga untuk menguruskan komposisi mata wang (Jaizah Othman, 2007).

Dalam konsep berlandaskan Islam ini, sememangnya ia berbeza dengan konsep yang berlandaskan konvensional. Perbezaan ketara yang wujud antara kedua-dua konsep ini adalah riba. Dalam perbankan Islam, riba adalah di larang sama sekali. Berbeza pula dengan perbankan konvensional, institusi tersebut tidak mementingkan halal haram dan sebagainya. Mereka hanya mementingkan keuntungan semata-mata. Terdapat beberapa kriteria lain yang boleh digunakan sebagai amalan dalam perbankan Islam. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut (Bijan Bidabad dan Abdolreza Harsini, 2003):

1. Pelanggan mesti berkongsi dalam keuntungan / kerugian daripada aktiviti ekonomi pembiayaan yang dijalankan.
2. Kadar faedah yang tidak boleh ditetapkan.
3. Interest dalam aktiviti pinjaman adalah riba.
4. Pertukaran mata wang asing tanpa faedah adalah tidak riba.


Berdasarkan kriteria di atas, prestasi perbankan Islam memerlukan pendekatan *ALM* tertentu untuk membuat penyelarasan yang diperlukan. Ini bertujuan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan terhadap jenis perbankan ini. Perbankan Islam dan perbankan konvensional mempunyai objektif yang sama iaitu memaksimumkan keuntungan. Ia diikuti dalam meluaskannya kepada pemilik saham

dalam aset. Namun ia berbeza dari segi pemilik saham di bank-bank Islam kerana dalam perbankan Islam ia melindungi pendeposit, pelabur dan rakan kongsi perniagaan. Pemilik saham aset diukur dengan nilai pasaran saham, jumlah keuntungan yang perlu dibayar dan juga nilai tambah. Nilai pasaran saham atau nilai tambah dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu aliran tunai hasil daripada kemampuan kewangan pemegang saham, masa penjadualan aliran tunai, dan risiko kecairan. Apabila ekuiti pemilik memaksimumkan dalam perbankan Islam, ia dianggap memaksimumkan penciptaan nilai. Namun, ia perlu mengambil kira prinsip-prinsip larangan riba seperti yang disebutkan sebelum ini (Bijan Bidabad dan Mahmoud Allahyarifard, 2008).

Proses Membuat Keputusan Pengurusan Aset dan Liabiliti dalam Perbankan Islam

Setiap keputusan pengurusan aset dan liabiliti dalam perbankan Islam ditugaskan kepada beberapa jawatankuasa. Dalam pengurusan ini, jawatankuasa yang terlibat adalah Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko, Sub Jawatankuasa Lembaga Lain-lain dan juga Jawatankuasa Lembaga Audit. Dalam Sub Jawatankuasa Lembaga Lain-lain ini terdapat satu Jawatankuasa Pematuhan Syariah yang mana ia berkaitan dengan Ketua Pengurusan Risiko di institusi perbankan tersebut. Bagi Jawatankuasa Lembaga Audit pula terdapat satu jawatankuasa iaitu Ketua Audit Dalaman. Di bawah bahagian Ketua Audit dalaman pula, terdapat jawatankuasa yang mengetuai jawatankuasa tersebut iaitu Lembaga Pengarah di mana Lembaga Pengarah ini mengetuai bahagian-bahagian seperti Bahagian Perniagaan, Bahagian Operasi, Bahagian Ketua Pegawai Teknologi dan juga Bahagian Sumber Manusia. Ini dapat digambarkan melalui carta aliran seperti di bawah (Jeroen P.M.M., 2014):

Carta Aliran 1 : Badan Pengurusan Risiko Dalam Perbankan Islam



Sumber: Bank Islam Berhad, laman sesawang Bank Islam Berhad, dicapai 19 Mac 2014, <http://www.bankislam.com.my/en/Documents/shariah/RiskMgmtinIslamicBkg>.

Huraian Badan Pengurusan Risiko Dalam Perbankan Islam

1. **Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (JLPR)**
JLPR bertanggungjawab bagi keberkesanan fungsi pengurusan risiko bersepadu di dalam bank. Sebagai ahli jawatankuasa Lembaga, JLPR bertindak dalam bidang kuasa yang dipertanggungjawabkan untuk memutuskan atau memberi cadangan kepada ahli Lembaga Pengarah di atas isu-isu pengurusan risiko. Ahli-ahlinya terdiri daripada tiga pengarah bebas bukan eksekutif dan dua pengarah bukan bebas eksekutif, dengan seorang daripada pengarah bebas bukan eksekutif bertindak sebagai pengerusi jawatankuasa (Sudin Haron, 2008).
2. **Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko (JEPR)**
Secara keseluruhannya Lembaga Pengarah dan JLPR bertanggungjawab untuk mengasaskan strategi risiko dan polisi-polisi bank. Manakala, pelaksanaan strategi dan polisi ini pula adalah tanggungjawab JEPR. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif dan ahli-ahlinya terdiri daripada ahli-ahli pengurusan kanan termasuk Ketua Pegawai Risiko. Jawatankuasa ini memfokuskan terhadap keseluruhan strategi perniagaan dan operasi perniagaan harian bank yang berkait rapat dengan pengurusan risiko.

Tanggungjawab JEPR juga termasuk pengurusan risiko secara menyeluruh daripada urusan perniagaan harian sehingga ke perspektif operasi; melaksana strategi dan polisi pengurusan risiko sebagaimana yang telah ditentukan oleh Lembaga Pengarah dan JLPR serta memastikannya dipatuhi; mengkaji semula polisi pengurusan risiko, kawalan dan sistem; menanam satu budaya pengurusan risiko yang proaktif di dalam bank; memberi nasihat kepada JLPR dan Jabatan Pengurusan Risiko di atas impak pengukuran risiko dalam strategi perniagaan.

Pematuhan Syariah Dalam Pengurusan Risiko

Prinsip kewangan Islam amat menitikberatkan kekukuhan nilai-nilai dan struktur tadbir urus korporat, ketelusan, penzahiran maklumat dan pematuhan yang tegas terhadap prinsip Syariah. Rangka kerja tadbir urus Syariah ialah suatu pengaturan organisasi bagi sesebuah institusi kewangan Islam memastikan keberkesanan pengawasan, tanggungjawab dan akauntabiliti lembaga pengarah, pihak pengurusan dan jawatankuasa Syariah untuk menjurus kepada persekitaran operasi perniagaan yang sentiasa patuh kepada prinsip Syariah. Ini adalah kerana prinsip Syariah menjadi asas bagi amalan kewangan Islam menerusi pematuhan kepada rukun, syarat dan prinsip sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Pematuhan menyeluruh terhadap prinsip Syariah akan memperkukuh keyakinan masyarakat dan pasaran kewangan terhadap kredibiliti operasi kewangan Islam (Bank Negara Malaysia, 2009).

Di Malaysia, Bank telah membentuk satu mekanisme untuk sistem kewangan Islam beroperasi secara konsisten berdasarkan prinsip Muamalah Syariah, menerusi susunan keinstitutionan yang jelas bagi institusi kewangan Islam yang dikawal selia oleh Bank. Struktur tadbir urus Syariah dua peringkat telah diperkenalkan, terdiri daripada badan penasihat Syariah yang utama di Bank dan jawatankuasa pengawasan Syariah yang ditubuhkan di setiap institusi kewangan Islam (Mohd Faisol & Rosila, 2014).

Walaupun struktur tadbir urus Syariah pada masa kini telah berjaya meningkatkan peranan jawatankuasa Syariah dalam industri kewangan Islam, Garis Panduan ini perlu diperkasa berikutan perkembangan pesat industri kewangan Islam sejak beberapa tahun

kebelakangan ini. Ini termasuk memperkukuhkan pengaturan tadbir urus lembaga pengarah dan pihak pengurusan berkaitan dengan proses pematuhan Syariah, menegaskan kebebasan dan akauntabiliti jawatankuasa Syariah dalam proses membuat keputusan dan meningkatkan keupayaan penyelidikan dalaman, pematuhan dan proses pengurusan risiko.

Selaras dengan usaha untuk mengukuhkan lagi struktur tadbir urus Syariah, Bank akan mengeluarkan satu rangka kerja tadbir urus yang baharu bagi institusi kewangan Islam di bawah kawal selia Bank bagi memenuhi objektif berikut:

1. Proses dan pengaturan tadbir urus Syariah dengan matlamat untuk memastikan semua operasi dan aktiviti perniagaannya sentiasa selaras dengan prinsip Syariah;
2. Menyediakan panduan menyeluruh kepada lembaga pengarah, jawatankuasa Syariah dan pihak pengurusan institusi kewangan Islam dalam melaksanakan tanggungjawabnya berkaitan hal ehwal Syariah; dan
3. Memastikan pematuhan Syariah yang betul menerusi fungsi penilaian Syariah dan fungsi audit Syariah yang berkesan.

Dalam keadaan ini, penulis cenderung untuk mengemukakan carta aliran di mana carta tersebut memberi gambaran kepada penulis dan pembaca mengenai rangka kerja tadbir urus Syariah bagi institusi kewangan Islam. Rangka kerja tadbir urus ini dilaksanakan selaras dengan garis panduan tadbir urus Syariah yang berkuatkuasa pada tahun 2004.

Pada tahun 2004, garis panduan tadbir urus jawatankuasa Syariah bagi institusi kewangan Islam telah dikeluarkan yang menggariskan peranan, tugas dan tanggungjawab jawatankuasa Syariah dan anggotanya serta hubungan dan skop aturan tugas antara jawatankuasa Syariah di setiap institusi dengan Majlis Penasihat Syariah (MPS) di peringkat nasional. Garis Panduan ini antara lain melarang seseorang anggota jawatankuasa Syariah daripada menganggotai lebih daripada satu jawatankuasa Syariah dalam industri yang sama.

Risiko-Risiko Berdasarkan Kategori Risiko Menurut Islam

Dewasa ini, pertumbuhan dan perkembangan positif sistem kewangan dilihat semakin rancak ditambah pula dengan liberalisasi kewangan dan kemajuan teknologi yang meningkatkan persaingan dan meluaskan inovasi dalam pembangunan produk dan perkhidmatan, proses operasi dan saluran penyampaian. Walaupun perkembangan ini dapat merangsang ekonomi negara, namun sedikit sebanyak ia menyumbang kepada peningkatan profil risiko sesebuah institusi mahupun peniaga. Secara amnya, risiko-risiko yang baru muncul hasil daripada landskap kewangan ini lebih rumit dan memberikan implikasi sistematik yang mendalam kepada sistem kewangan. Ini meningkatkan keperluan kepada keupayaan pengurusan risiko yang lebih kukuh oleh industri dan lebih perhatian terhadap aspek ini oleh pengawal selia dalam memastikan kestabilan dan integriti sistem kewangan. Justeru, adalah penting bagi kita memastikan pemahaman dan kesedaran tentang risiko yang wujud dalam dunia pelaburan dan perniagaan dari perspektif syariah agar aktiviti pengurusan risiko yang dilaksanakan adalah selaras dengan kehendak syarak (Nor Fahimah Mohd Razif dan Shamsiah Mohamad, 2011).

Memandangkan terdapat banyak jenis risiko yang wujud dalam dunia hari ini, kajian ini hanya akan menumpukan kepada risiko-risiko yang berkaitan dengan bidang kewangan dan perbankan. Berikut dijelaskan sebahagian risiko-risiko yang harus dihadapi oleh mana-mana peniaga, pelabur atau institusi perbankan iaitu:

1. Risiko pasaran ditakrif sebagai kerugian yang mungkin timbul akibat perubahan faktor-faktor pasaran dan polisi dalam ekonomi. Perubahan ini boleh menjejaskan nilai instrumen kewangan dan hasil berkaitan aliran pelanggan serta perdagangan¹¹⁴ Pergerakan harga dalam pasaran yang berbeza telah menimbulkan pelbagai jenis risiko pasaran. Justeru, risiko pasaran boleh dikelaskan kepada risiko harga ekuiti, risiko harga komoditi, dan risiko matawang (Tariqullah Khan dan Habib Ahmed, 2001).
2. Risiko kredit merupakan risiko yang melibatkan ketidakmampuan atau kegagalan sebelah pihak (counter party) memenuhi tanggungjawabnya sepertimana yang telah dipersetujui sewaktu menandatangani kontrak (Al-Saati, 2003).
3. Risiko kecairan ialah kemungkinan kerugian yang timbul daripada situasi di mana kekurangan wang untuk memenuhi tuntutan penyimpan dan peminjam atau harga penjualan aset tidak cair adalah kurang daripada harga semasa. Selain itu, ketiadaan pembeli untuk membeli aset tidak cair ketika ia perlu dijual turut menyebabkan risiko kecairan berlaku.
4. Risiko operasi meliputi kemungkinan terjadinya kepincangan dalam kawalan dalaman dan tadbir urus sesebuah syarikat sehingga menyebabkan kerugian kewangan. Aspek lain yang termasuk dalam risiko ini ialah kegagalan sistem teknologi maklumat dan sistem teknologi yang lain yang berkaitan dengan pengurusan sesebuah syarikat.

Perbezaan Pengurusan Aset-Liabiliti Berkonsepkan Islam dan Konvensional

Pengurusan aset-liabiliti ataupun ALM (Asset Liability Management) dalam sesebuah bank tidak kira sesebuah bank itu berkonsepkan Islam ataupun konvensional, ia merupakan suatu rangka pengurusan risiko dalam sesebuah bank yang amat signifikan. Pengurusan aset-liabiliti yang sistematik serta pelaksanaan yang konsisten dan cemerlang akan menentukan kelangsungan masa hadapannya. Hal ini berlaku terutamanya apabila sesebuah bank berdepan dengan sebarang keadaan luar jangka secara tiba-tiba. Teori dan konsep yang menghuraikan tentang pengurusan aset-liabiliti ini telah dihuraikan sebelum ini.

Pada asasnya, pengurusan aset-liabiliti ini melibatkan dua komponen utama iaitu penajaan dan penggunaan dana. Secara lebih khusus lagi, ia melibatkan perancangan strategik, pelaksanaan, proses mengawal yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti, tempoh kematangan, kadar sensitiviti, keuntungan, kualiti aset, kecairan aset dan liabiliti bank.

Matlamat utama pengurusan aset-liabiliti ataupun ALM ini adalah untuk menghasilkan kualiti dan aliran keluar masuk dana yang stabil serta meningkatkan pendapatan daripada faedah bersih. Ia dapat dicapai melalui kombinasi aset, liabiliti dan risiko

kewangan pada tahap yang optimum. Timbulnya risiko dalam aset-liabiliti dalam sesebuah bank adalah disebabkan wujudnya perbezaan dari segi tempoh kematangan dan terma portfolio antara aset dan liabilitinya. Secara teorinya, bank-bank Islam harus terdedah secara minima kepada ketidakpadanan aset-liabiliti. Oleh itu, risikonya lebih kepada tempoh pegangan ekuiti, berbanding perbankan konvensional.

Dalam pengurusan aset-liabiliti ataupun ALM ini, bagi sesebuah bank yang berkonsepkan Islam ataupun konvensional, ia mempunyai perbezaan dari segi teknik yang digunakan untuk menguruskan aset-liabiliti sesebuah bank tersebut. Pada hakikatnya, prinsip, kerangka, petunjuk risiko dan metodologi risiko yang digunakan dalam kedua-dua jenis perbankan adalah sama.

Ini dapat diaplikasi melalui petunjuk dan kawalan risiko-risiko sesebuah bank Islam seperti risiko-risiko yang utama seperti risiko kredit, risiko pasaran, risiko kecairan dan juga risiko operasi. Aspek yang membezakan pengurusan aset-liabiliti berkonsepkan Islam dan konvensional ialah dari segi produk yang ditawarkan kepada pelanggan dan yang digunakan untuk tujuan mitigasi risiko ketidakpadanan antara aset dan liabiliti samada ia menepati kepatuhan Syariah ataupun sebaliknya.

Namun prinsip-prinsip syariah seperti *Bay' Bithaman Ajil, Musharakah, Wakalah* dan sebagainya merupakan prinsip-prinsip syariah yang digunakan dalam satu-satu produk kewangan Islam. Dalam berkaitan prinsip-prinsip syariah ini, ia boleh dikelaskan pada bahagian aset sesebuah bank ataupun pada bahagian liabiliti sesebuah bank. Sebenarnya, ia adalah satu kelebihan perbandingan yang berakar umbi pada struktur "*pass-through*" yang dimiliki oleh bank Islam yang mana ia bertindak sebagai agen bagi pihak pelabur-pendeposit dan menyerahkan semua keuntungan dan kerugian yang diperoleh kepada mereka. Di samping itu, ciri-ciri perkongsian risiko juga diambil kira di mana bank mengambil bahagian dalam risiko perniagaan perbankan. Dalam hal ini, sesebuah bank memainkan peranan yang penting.

Disiplin pasaran langsung, salah satu daripada tiga tunggak utama baru-baru ini ditekankan oleh Basel Committee on Banking Supervision dalam meningkatkan kestabilan pasaran kewangan antarabangsa. Pada teorinya, dalam keadaan sebarang kejutan negatif kepada pulangan aset bank Islam, ia akan diserap oleh kedua-dua pemegang saham dan pelabur-pendeposit. Sementara itu, pendeposit dalam sistem konvensional mempunyai satu tuntutan tetap terhadap pulangannya kepada aset.

KESIMPULAN

Dalam pengurusan aset dan liabiliti ini, ia sememangnya penting untuk dilaksanakan di setiap institusi perbankan tidak kira institusi tersebut merupakan institusi kewangan konvensional mahupun institusi kewangan Islam yang mana ia sentiasa berhadapan dengan kemungkinan-kemungkinan risiko di institusi perbankan tersebut.

Lazimnya, institusi-institusi perbankan terdedah kepada risiko-risiko utama dalam pengurusan aset dan liabiliti seperti risiko pasaran, risiko kecairan, risiko kredit dan juga risiko pengurusan. Namun, pihak pengurusan bank perlu memainkan peranan penting dalam menguruskannya. Pihak-pihak yang perlu memastikan pengurusan aset dan liabiliti berjalan lancar dan sistematik bukannya hanya bergantung kepada pihak jawatankuasa eksekutif sahaja. Malah, pihak lembaga institusi perbankan juga perlu

diduduk semeja berbincang dan memikirkan sesama ahli dalam dasar-dasar institusi perbankan tersebut supaya halatuju sesebuah bank itu jelas dan sentiasa mengikut perancangan yang dilakukan. Dasar-dasar dalam pengurusan bank itu perlu mengikut garis panduan yang ditetapkan seperti dalam Basel III dan sebagainya.

Institusi perbankan Islam juga perlu bersaing dengan institusi perbankan konvensional bagi memenuhi permintaan pihak pelanggan. Pihak pelanggan sentiasa memerhatikan institusi perbankan yang mana yang menawarkan perkhidmatan ataupun produk yang lebih baik. Bagi yang beragama Islam, sudah menjadi tanggungjawab mereka untuk menyokong produk yang ditawarkan oleh pihak institusi perbankan Islam.

Pengurusan aset dan liabiliti bagi institusi perbankan Islam juga semakin penting apabila institusi perbankan Islam perlu mematuhi perjanjian Basel II. Oleh itu, apabila perjanjian ini mula berkuat kuasa pada tahun 2006, maka institusi perbankan tidak lagi berada dalam keadaan yang tidak sedia. Persepsi terhadap risiko ini juga berbeza antara sebuah bank dengan bank yang lain. Dari segi teori, jika penerapan nilai-nilai Islam agak tinggi di kalangan pengguna perkhidmatan dari institusi perbankan Islam, maka sewajarnya risiko yang terlibat adalah rendah berbanding dengan institusi perbankan konvensional.

Hal ini disebabkan penerima biaya institusi perbankan Islam dituntut oleh agama untuk membayar semula segala pembiayaannya. Maka dengan itu, risiko kredit yang ditanggung oleh institusi perbankan Islam menjadi berkurangan. Risiko pelanggan mengeluarkan deposit juga sepatutnya tidak berlaku kerana mereka menyimpan di institusi perbankan disebabkan tuntutan agama dan mereka tidak akan beralih kepada bank lain dengan mengeluarkan wangnya jika institusi perbankan Islam tidak memberikan pulangan yang tinggi.

Begitu juga dengan risiko operasi yang kini dititik beratkan oleh Basel I, Basel II dan Basel III seharusnya jarang berlaku disebabkan etika kerja Islam akan memimpin pekerja untuk menjadi seorang yang jujur, cekap dan teliti dalam tugas yang dipertanggungjawabkannya.

RUJUKAN

- Al-Saati, Abdul Rahim (2003). The Permissible Gharar (Risk) in Classical Islamic Jurisprudence. *J.KAU: Islamic Econ.* 16 (2).
- Anitha, R., Muhamad Husni, H. & Joni Tamkin, B. (2013). Produk Simpanan Berasaskan Ganjaran: Kajian Kes di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Simpanan Nasional (BSN). *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 7: 71-82.
- Bank Islam Berhad, laman sesawang Bank Islam Berhad, dicapai 19 Mac 2014, <http://www.bankislam.com.my/en/Documents/shariah/RiskMgmtinIslamicBkg>.
- Bank Negara Malaysia. (2009) *Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2009*. Kuala Lumpur : Bank Negara Malaysia.
- Bijan Bidabad & Mahmoud Allahyarifard (2008). "Assets and Liabilities Management in Islamic Banking". *Persidangan Antarabangsa, Karachi, Pakistan, 24 -25 Mac 2008*.
- Bijan Bidabad dan Abdolreza Harsini (2003). *Religious-economic Analysis of Usury in Consumption and Investment Loans and Shortages of Contemporary*

- Jurisprudence in Finding the Rules of Religion Legislator*. Central Bank of Iran, Tehran Monetary and Banking Research Academy.
- Email daripada Encik Abdul Hadi bin Jusoh (Pengurus Senior, Jabatan Pengurusan Risiko Pasaran dan Aset-Liabiliti, Bahagian Pengurusan Risiko, Export-Import Bank of Malaysia Berhad) pada 6 Mac 214.
- Fidlizan, M., Mohd Yahya, M.H., & Azila Abdul, R. (2013). Kesan Dasar Kewangan Terhadap Jenis Kontrak Pembiayaan Perbankan Islam. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 7: 60-70.
- Jaizah Othman, Yon Bahiah Wan Aris & Mohamad Asmady Shahadan (2007) *Assets and Liability Mismatch? : The Case of Public Listed Islamic Bank*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Jeroen P.M.M., "Risk Management in Islamic Bank" (makalah, pembentangan di peringkat Bank Islam), dicapai 19 Mac 2014, <http://www.bankislam.com.my/en/Documents/shariah/RiskMgmtinIslamicBkg>.
- Mohd Faisol, I., & Rosila K. (2014). The Islamic Home Financing In Malaysia Istisna' Base On Debt: Qualitative Approach. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 8: 27-38.
- Nor Fahimah Mohd Razif & Shamsiah Mohamad (2011). "Risiko-Risiko Dalam Kewangan Semasa: Penilaian Daripada Perspektif Islam". *Prosiding Persidangan Pengurusan Peringkat Antarabangsa, Persidangan Sumber Induk, Penang, 13-14 Jun 2011*.
- Sudin Haron (2008). *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School Sdn Bhd.
- Tariqullah Khan & Habib Ahmed (2001). *Risk Management: Analysis of Issues in Islamic Financial Industry* (1th ed.) Jeddah : Islamic Research and Training Institute.